

## ***Keberkesanan Penggunaan Portal SLS Dalam Penjanaan Idea Bagi Penulisan E-mel***

**Hannah Nadhirah Lokman**

[hannah\\_nadhirah\\_lokman@schools.gov.sg](mailto:hannah_nadhirah_lokman@schools.gov.sg)

**Norazian Mohamed Yahya**

[norazian\\_mohamed\\_yahya@schools.gov.sg](mailto:norazian_mohamed_yahya@schools.gov.sg)

**Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent**

### *Abstrak*

Mempertingkat dan mempertajam kemahiran menulis dan berfikir dalam kalangan pelajar merupakan satu cabaran bagi guru dalam penulisan e-mel. Para pelajar menghadapi kesukaran untuk menghuraikan isi dalam penulisan. Portal Student Learning Space (SLS) membolehkan para pelajar menjana idea secara kendiri dan kolaboratif dalam penulisan e-mel. Penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Teroka dan Melangkah ke Dalam diterapkan bagi membantu pelajar menjana idea dan mengolah isi secara sistematis. Kajian ini dijalankan bagi para pelajar Menengah 2 Ekspres dan 2 Normal Akademik (SBB). Dapatan kajian menunjukkan bahawa portal SLS ini bukan sahaja dapat meningkatkan minat terhadap pembelajaran, malah membolehkan para pelajar melibatkan diri secara aktif dan menambah nilai pengetahuan sedia ada.

Kata Kunci: penulisan e-mel, penggunaan SLS, penjanaan idea, ICT


## PENGENALAN

Dalam era digital ini, para guru digalakkan untuk memanfaatkan kuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran mereka. Seiring dengan itu, guru juga dihadapkan dengan profil pelajar millenial yang secara umum, berkemahiran ICT yang canggih. Menurut Prensky (2012), pelajar generasi baharu yang digelar sebagai “peribumi digital”, dibesarkan dalam persekitaran mesra teknologi yang digunakan untuk bermain, belajar dan berkomunikasi. Persekitaran ini mempengaruuh, mencorak dan membentuk minat serta amalan sehari-hari mereka. Pembinaan minat dan amalan inilah yang memerlukan para pemimpin, penggubal dasar dan pendidik untuk memikir dan membentuk semula persekitaran dan pedagogi yang sedia ada kini untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlandaskan ICT.

Para pelajar yang mempunyai minat akan lebih cenderung untuk memberikan tumpuan terhadap pelajaran. Dengan menerapkan ICT dalam PdP, para pelajar akan lebih berminat untuk mengikuti pengajaran guru dan mempertingkat proses pembelajaran mereka. ICT menjadi antara faktor utama yang meningkatkan motivasi para pelajar untuk belajar bahasa ibunda. Dalam kajian ini, motivasi ini disalurkan untuk mengasah kemahiran menulis pelajar dengan memanfaatkan penggunaan ICT. Sungguhpun ramai pelajar mendapatkan kesukaran untuk menghuraikan isi dalam penulisan e-mel disebabkan keterbatasan kosa kata dan pengetahuan am, penggunaan ICT (*Student Learning Space – SLS*) yang disokong dengan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*) dan Melangkah ke Dalam (*Step-Inside*) berpotensi untuk menyediakan persekitaran dan pemerancangan yang berstruktur dan sistematik dalam proses penjanaan idea.

## PERNYATAAN MASALAH

Penulisan e-mel merupakan satu aktiviti penulisan yang kurang dilakukan oleh para pelajar secara sehari-hari. Penulisan e-mel hanya diperuntukkan dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu. Justeru, tidak menghairankan apabila para pelajar bahasa Melayu menghadapi kesukaran dalam menjana isi yang mencukupi dan substantif bagi penulisan e-mel mereka.



Di CHIJ Katong Convent, cabaran utama adalah keupayaan pelajar untuk mengembangkan isi dalam penulisan e-mel. Dalam pengajaran konvensional, sesi penjanaan idea biasanya kurang produktif kerana para pelajar berasa kurang yakin atas kebolehan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu, lantas mengehadkan jumlah dan mutu idea yang dapat dikongsi sama.

Selain itu, keterbatasan kosa kata dan kekurangan struktur atau rangka berfikir untuk menyokong atau mengembangkan idea-idea dalam penulisan turut menjadikan kelancaran proses penulisan e-mel di dalam kelas. Sungguhpun berupaya untuk memberikan idea utama yang ingin disampaikan, para pelajar kemudian kebuntuan idea untuk mengembangkan penulisan mereka itu. Justeru, permasalahan ini telah mendorong guru-guru untuk meneroka wadah teknologi yang terkini seperti Ruang Pembelajaran Pelajar (*Students' Learning Space(SLS)*) dan menggabungkannya dengan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Melangkah ke Dalam untuk cuba menangani masalah yang dihadapi para pelajar untuk menjana idea bagi penulisan e-mel mereka.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. menilai keberkesanannya penggunaan SLS dalam menggalakkan pembelajaran kendiri dan kolaboratif;
2. menilai keberkesanannya rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Melangkah ke Dalam dalam proses penjanaan idea bagi penulisan e-mel; dan
3. menggalakkan para pelajar berkongsi idea dan pandangan secara aktif, kreatif dan kritikal.

## **KAJIAN LEPAS**

Secara tradisional, mod pengajaran sering memperlihatkan guru sebagai penyampai ilmu sedangkan para pelajar hanya menerima. Namun, mod PdP tersebut mungkin kurang berkesan dalam kalangan pelajar pada era digital ini. Jonassen, Peck & Wilson (1999) berpendapat bahawa guru perlu bergerak pada realiti model pembelajaran yang baharu, malah memanfaatkan

kecenderungan para pelajar kini yang menggunakan teknologi. Cara ini membolehkan para pelajar untuk meneroka ruang dan peluang pembelajaran yang sebatи dengan diri mereka dan pada masa yang sama, membina pengetahuan baharu bersama rakan-rakan dan guru-guru mereka. Dengan penggunaan teknologi yang sesuai, pengajaran yang disampaikan oleh guru dan pembelajaran boleh menjadi lebih interaktif, kolaboratif dan berfaedah. Ini termasuk kebolehan untuk mencari maklumat dengan cepat, memberi dan menerima maklum balas dengan segera dan juga bertukar-tukar idea melalui perbincangan di pelantar siber.

Namun, para pengkaji turut mengingatkan bahawa penyepaduan ICT dalam PdP merupakan proses yang dinamik dan kompleks kerana melibatkan ramai pelaku; daripada pihak penggubal dasar ke perancang kurikulum, hingga ke para guru dan pelajar di dalam dan luar bilik darjah.

Bagi Kozma (2003), penyepaduan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dikatakan terlaksana sekiranya guru tahu menerapkan ICT dalam pengajaran mereka secara konsisten. Pelajar mempraktikkan penggunaan ICT untuk menimba pengetahuan dan kemahiran baharu. Dengan itu, para guru diperkasa untuk memilih jenis ICT yang perlu digabungkan dengan kandungan pengajaran. Para pelajar pula dipertanggungjawabkan atas pembelajaran mereka sendiri.

Menurut Fullan (2001), kejayaan guru dalam menyepadukan ICT untuk menggalakkan dan meningkatkan motivasi para pelajar dapat dikesan melalui tugas-tugas yang autentik dan mencabar serta relevan dengan realiti dunia. Dalam erti kata lain, Fullan menumpukan perhatian kepada set kemahiran yang dapat diraih oleh para pelajar dalam sesi-sesi pembelajaran berlandaskan ICT. Ini termasuk menggunakan ICT untuk menyokong para pelajar dalam meraih kemahiran-kemahiran seperti pencarian maklumat, penerokaan sumber, pemikiran aras tinggi dan pembelajaran kendiri.

Penyepaduan ICT dengan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Melangkah ke Dalam berpotensi untuk menjadikan PdP bahasa Melayu lebih menyeronokkan dan bermakna bagi para pelajar. Rutin berfikir Lihat-Fikir-



Tanya yang dipetik daripada kajian *Project Zero* (Ritchart et al, 2011) di Harvard Graduate School of Education (HGSE), menyediakan struktur yang jelas untuk memandu pemikiran pelajar dalam proses peluasan idea secara produktif dan aktif. Tambahan lagi, rutin berfikir Melangkah ke Dalam yang turut di bawah payungan pendekatan *Making Thinking Visible* membolehkan para pelajar untuk memberikan penerangan yang lebih mendalam terhadap idea yang disampaikan. Ini dilakukan dengan membuka ruang bagi pelajar untuk melihat perspektif penulisan daripada sudut yang berlainan dan pelbagai.

## KAEDAH KAJIAN


Kajian secara berperingkat ini berbentuk eksperimental yang menggunakan kaedah pemerhatian dan pemberian maklum balas. Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan pada dua proses pengajaran, iaitu pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas.

Penggunaan portal SLS dan memanfaatkan STP dapat menyediakan pengalaman pembelajaran ICT bagi para pelajar. Dalam portal SLS, para pelajar mengaplikasikan STP untuk pengalaman pembelajaran bermutu yang memanfaatkan teknologi. Dengan merujuk kepada STP, peta reka bentuk dalam penggunaan SLS digunakan selari apabila melakarkan rancangan pelajaran. Sila rujuk Jadual 1 dan Rajah 1 bagi penerangan yang lebih terperinci.


**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

| Proses Pengajaran     | Aspek Pengajaran          | Aktiviti Mengajar  |
|-----------------------|---------------------------|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | AP14:<br>Merangsang Minat | AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan<br><br>Guru menunjukkan video dan menggunakan artikel untuk mencetus minat dan pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik. |

|                                  |   |   |
|----------------------------------|---|---|
|                                  | AP15:<br>Menggalakkan<br>Pelibatan<br>Pelajar                 | AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi<br><br>Penggunaan platform SLS dan <i>Google Docs</i> membantu pelajar berkolaborasi dan berkongsi idea secara aktif, kreatif dan kritikal. Para pelajar juga dapat meneliti respons-respons rakan yang lain dan menambah nilai idea mereka.  |
|                                  | AP19:<br>Memudah Cara<br>Pembelajaran<br>Kolaboratif          | AM4: Fikir-Berpasangan-Berkongsi<br><br>Aktiviti Fikir-Berpasangan-Berkongsi dipilih bagi menggalakkan penjanaan idea, perbandingan idea dan perkongsian idea mereka dengan rakan sekelas.  |
| Penilaian<br>dan Maklum<br>Balas | AP22:<br>Memantau<br>Pemahaman<br>dan Memberi<br>Maklum Balas | AM1: Maklum Balas dalam Bentuk<br>Komen Sahaja<br><br>Hasil kerja pelajar sering diikuti maklum balas guru sama ada dalam bentuk penulisan atau secara lisan. Berdasarkan maklum balas ini, pelajar dapat mengenal pasti bahagian yang perlu diperbaik untuk memastikan tugas yang lebih baik.  |
| Penerangan<br>dan<br>Justifikasi |   | Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar yang dipilih disesuaikan dengan kajian ini. Aspek pengajaran ini digunakan untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam proses penjanaan idea bagi topik yang dikemukakan. Oleh sebab topik yang diberikan merupakan sesuatu isu semasa yang relevan dan dekat dengan masyarakat Melayu, aktiviti mengajar yang dipilih ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam menghuraikan idea dan pandangan pelajar secara aktif, kreatif dan kritikal. |



## Rajah 1: Peta Reka Bentuk Berdasarkan Pengalaman Pembelajaran Perbincangan



## SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada para pelajar Menengah 2 Ekspres dan 2 Normal Akademik yang merupakan Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB) yang mengambil bahasa Melayu aliran Ekspres. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 21 orang yang mempunyai tahap keupayaan yang pelbagai.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada bahan hasil perkongsian idea di portal SLS dan wadah *Google Docs*, pemantauan guru dan templat maklum balas. Portal SLS digunakan sebagai instrumen kajian kerana portal SLS menyediakan reka bentuk pelajaran yang merangkumi aspek perbincangan sebagai jenis pengalaman pembelajaran (*Learning Experience: Discussion*) yang membolehkan pelibatan semua pelajar secara serentak dan aktif. Para pelajar akan lebih terlibat dalam penjanaan idea, perkongsian pandangan dan perbincangan secara berkumpulan. Dengan cara ini, pelajar akan lebih terdorong dan yakin dalam menjana isi yang mencukupi dan substansif bagi penulisan e-mel mereka.

Bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran ini, templat rutin berfikir yang telah tersedia dalam portal SLS digunakan sebagai panduan bagi pelajar melakarkan respons secara sistematik dan teratur. Maklum balas rakan sebaya juga dilaksanakan untuk memberikan peluang kepada pelajar menambah nilai hasil penulisan rakan mereka.

## **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan sepanjang seminggu dalam masa kurikulum yang melibatkan pelaksanaan selama tiga sesi; setiap sesi mengambil masa selama satu jam di mana pengajaran secara berstruktur dititikberatkan untuk mendedahkan dan membiasakan para pelajar kepada penggunaan portal SLS. Struktur dalam pengajaran penting untuk memberikan ruang kepada para pelajar untuk memanfaatkan kaedah ini secara berkesan. Analisis data dan maklum balas pelajar kemudian dilakukan bagi melihat keberkesanan SLS dalam penjanaan idea untuk penulisan e-mel.

Berdasarkan pedagogi *Self-Regulation of Learning (SRL)* yang dikemukakan oleh Zimmerman (2002), apabila pelajar dapat mencari kaitan yang bermakna terhadap tugasan yang diberikan, pelajar akan berasa lebih terlibat dan bermotivasi untuk melakukan tugasan tersebut. Pelajar akan berasa lebih yakin dengan kecekapan mereka dan lebih bersedia untuk berusaha walaupun tugasan yang diberikan mencabar. Oleh itu, pembelajaran secara kendiri perlu dilaksanakan secara berperingkat. Proses pembelajaran ini disediakan untuk membolehkan pelajar mengalami kejayaan.

### **1. Fasa Mengaktifkan Pembelajaran**

Secara individu, pelajar menonton klip video. Pelajar mengenal pasti maklumat penting dengan mengisikan templat rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya yang disediakan dalam portal SLS.

### **2. Fasa Menggalakkan Pemikiran dan Pembelajaran**

Secara individu, pelajar kemudian membaca artikel lanjutan yang berkaitan dengan topik pembelajaran dan mengenal pasti maklumat penting berdasarkan templat rutin berfikir Melangkah ke Dalam yang disediakan dalam portal SLS.



Kemudian, guru memberikan soalan penulisan e-mel tidak rasmi. Secara berkumpulan, pelajar membincangkan perkara-perkara yang relevan berdasarkan soalan tersebut dengan menggunakan maklumat-maklumat yang telah dikenal pasti di fasa-fasa sebelumnya. Pelajar melengkapkan carta alir di *Google Docs* berdasarkan hasil perbincangan mereka. Guru memantau perbincangan pelajar secara langsung di *Google Docs* dan memberikan maklum balas sama ada dalam bentuk penulisan atau secara lisan sebelum pelajar menghasilkan penulisan akhir.

### 3. Fasa Memudahcarakan Demonstrasi Pembelajaran

Secara berkumpulan, pelajar menaip e-mel tidak rasmi yang lengkap dalam platform SLS. Pada akhir pembelajaran, pelajar mengisi borang refleksi untuk memberikan maklum balas mereka mengenai pelajaran secara keseluruhan dan penggunaan SLS dalam pembelajaran. Refleksi ini dilakukan secara individu.

### 4. Fasa Memantau dan Memberi Maklum Balas

Guru memantau perkembangan pembelajaran pelajar dan memberikan maklum balas secara langsung dalam platform SLS dan *Google Docs* sepanjang ketiga-tiga fasa tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, pelajar telah menunjukkan minat dan sikap yang positif semasa melakukan tugas. Pelajar melibatkan diri secara aktif dalam setiap peringkat pembelajaran. Daripada hasil tugas pelajar berdasarkan rutin berfikir yang telah digunakan dalam platform SLS, didapati bahawa pelajar dapat memberikan respons yang lebih terperinci dan mendalam. Respons pelajar memaparkan pemikiran yang lebih analitikal dan matang mengenai topik berkenaan. Pelajar juga berjaya untuk memberikan respons dengan menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai dengan konteks.


Berikut adalah contoh hasil respons pelajar berdasarkan rutin Lihat-Fikir-Tanya dan Melangkah ke Dalam.

**Jadual 2: Contoh Hasil Jawapan Pelajar Bagi Rutin Berfikir  
Lihat-Fikir-Tanya**

|                  | <b>Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi pesakit MND?</b>   | <b>Bagaimanakah cabaran-cabaran ini menjas kehidupan pesakit MND?</b>   | <b>Apakah perkara-perkara yang ingin kamu tahu tentang penyakit MND?</b>                            |
|------------------|--|---|---|
|                  | <b>Lihat</b>   | <b>Fikir</b>  | <b>Tanya</b>  |
| <b>Pelajar 1</b> | <p>Pesakit MND menghadapi banyak cabaran. Contohnya, penyakit MND menyebabkan kerosakan progresif pada saraf dan ini menyebabkan pesakit MND kurang berkeupayaan untuk bergerak. Selain itu, mereka tidak dapat mengawal daya otot mereka seperti menulis sesuatu atau membutang baju dengan menggunakan tangan yang tidak dominan lantas menyebabkan pergerakan mereka lebih sukar.</p> | <p>Cabaran-cabaran ini menyusahkan pesakit MND ketika mengharungi kerja harian mereka seperti berjalan, menggenggam sesuatu, menelan dan bernafas. Pesakit MND akan mengambil masa yang agak lama untuk melakukan kerja sehariannya dan mereka memerlukan pertolongan orang lain untuk melakukan kerja tersebut. Oleh itu, mereka tidak mempunyai peluang untuk menikmati detik-detik kehidupan mereka dengan lebih aktif seperti bersukan.</p> | <p>Saya ingin tahu adakah penyakit MND datang dengan begitu sahaja atau ada simptom-simptomnya?</p> |



|                      |  |   |   |
|----------------------|--|---|---|
| <b>Pelajar<br/>2</b> | Pesakit MND tidak dapat mengawal daya otot mereka dan kondisi ini mengurangkan jangka hayat mereka.  | Kehidupan mereka menjadi lebih sukar kerana mereka memerlukan lebih masa untuk membuat perkara-perkara biasa seperti memakai kasut atau baju. Dengan penyakit itu, kerja sehari-hari dan tanggungjawab mereka telah menjadi lebih mencabar. | Bagaimanakah seseorang dijangkiti penyakit MND?   |
| <b>Pelajar<br/>3</b> | Cabaran-cabaran yang dihadapi pesakit MND adalah mereka tidak dapat kawal daya otot mereka. Penyakit Motor Neuron merupakan sejenis kondisi yang jarang dihadapi yang mana ia akan menyebabkan kerosakan progresif pada saraf. | Kondisi itu mengurangkan jangka hayat penyakit dan ia tidak boleh disembuh. Mereka tidak dapat membuat tugas sehari-hari kerana mereka tidak boleh menggengam, berjalan, bercakap, menelan dan akhirnya bernafas.                           | Saya ingin tahu bagaimana kita boleh menolong seseorang yang mengalami penyakit ini dan bagaimana untuk melawan penyakit itu. |




**Jadual 3: Contoh Hasil Respons Pelajar Bagi Rutin Berfikir Melangkah Ke Dalam**

|                  |   |
|------------------|---|
|                  | <p><b>Apakah perasaan kamu sekiranya kamu mengalami cabaran yang serupa?</b></p> <p><b>Melangkah ke Dalam</b></p>   |
| <b>Pelajar 1</b> | Saya akan berasa sedih sekiranya saya menghadapi cabaran yang serupa. Hidup saya akan menjadi lebih susah kerana saya harus meminta bantuan ramai orang untuk membantu saya menjalani kehidupan sehari-hari atau ke suatu tempat dengan berkerusi roda.   |
| <b>Pelajar 2</b> | Saya akan berasa sangat pilu kerana saya harus membuat tugas sehari-hari dengan bantuan orang lain kerana saya akan sentiasa berasa lemah. Namun, saya akan cuba memperbaik diri saya dan cuba untuk meluangkan masa dengan keluarga saya sebaik-baiknya. |
| <b>Pelajar 3</b> | Saya pasti berasa terkejut dan tidak boleh proses informasi yang disampaikan kepada saya. Selain itu, saya tidak rasa saya boleh kekal positif seperti Riz Sunawan dan boleh teruskan kerja harian macam biasa seperti hari-hari.                         |

Hasil dapatkan maklum balas dan refleksi para pelajar menunjukkan bahawa penggunaan portal SLS dalam pembelajaran berkesan dan mampu meningkatkan mutu hasil jawapan mereka. Pelajar juga menyatakan bahawa portal SLS efektif dalam mempermudahkan kolaborasi dalam perbincangan. Maklum balas dan refleksi pelajar seperti dalam Jadual 1 dan 2.

**Jadual 4: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Pelajar**

| No. | Perkara  | Sangat Setuju | Setuju |
|-----|--|---------------|--------|
| 1   | Saya dapat mempelajari kosa kata yang baharu melalui penggunaan SLS. | 58.8%         | 41.2%  |
| 2   | Saya dapat menggunakan SLS dengan baik.                              | 82.4%         | 17.6%  |



|   |  |       |       |
|---|--|-------|-------|
| 3 | Saya dapat belajar secara kolaborasi dengan menggunakan SLS.   | 64.7% | 35.3% |
| 4 | Saya dapat menulis e-mel saya dengan lebih baik selepas menjalani aktiviti menggunakan SLS.                                    | 58.8% | 41.2% |
| 5 | Saya dapat melihat hasil kerja rakan melalui aktiviti menggunakan SLS dan mendapat idea-idea daripada hasil kerja rakan-rakan. | 70.6% | 29.4% |
| 6 | Saya digalakkan untuk mengaplikasikan pemikiran kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif.                             | 35.3% | 64.7% |
| 7 | Tugasan yang diberikan menarik.  | 58.8% | 41.2% |
| 8 | Saya dapat pengetahuan dan kemahiran baharu.   | 64.7% | 35.3% |

**Jadual 5: Contoh Refleksi Pelajar**

| <b>Soalan 1</b> | <b>Penggunaan ICT dalam pelajaran membuat saya:</b>   |
|-----------------|---|
| Pelajar 1       | Lebih fokus apabila membuat tugasan. Ia juga membuat pelajaran menarik dan lebih menyeronokkan.   |
| Pelajar 2       | Penggunaan ICT menolong saya menjana idea dan mengenal pasti isi yang relevan. Ia juga menolong saya membuat kerja dengan pantas.                         |
| Pelajar 3       | Lebih minat dalam pembelajaran kerana ia membantu saya mempelajari sesuatu yang baharu dengan cara yang lebih kreatif.                                    |
| <b>Soalan 2</b> | <b>Secara keseluruhan, saya berpendapat bahawa aktiviti penulisan menggunakan ICT ini:</b>  |
| Pelajar 1       | Sangat menyeronokkan kerana saya dapat bekerjasama dengan rakan-rakan yang baharu di dalam kumpulan yang berbeza dan menggunakan alat ICT sangat menarik. |

|           |  |
|-----------|--|
| Pelajar 2 | Membantu untuk meningkatkan mutu perbincangan antara saya dan rakan-rakan saya. Saya juga dapat menaip dengan cepat dan ini membantu untuk tidak membuat masa. |
| Pelajar 3 | Membantu dalam memberikan lebih banyak idea dan informasi. Saya juga suka kerja secara berkumpulan.  |

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan portal SLS dapat membantu para pelajar menjana idea dengan berkesan bagi penulisan e-mel. Walaupun topik yang dipilih agak mencabar, ini disengajakan oleh para guru untuk menunjukkan bahawa dengan menggunakan kaedah rutin berfikir yang sesuai dan kaedah pengajaran yang relevan, pelajar masih mampu mengikuti pelajaran secara aktif. Penggunaan portal SLS juga telah membolehkan para pelajar berkolaborasi secara aktif dan efektif, menjadikan mereka lebih terlibat dan berminat sepanjang proses pembelajaran mereka.

Namun, portal SLS ini masih mempunyai kelemahan. Portal SLS ini masih melalui proses naik taraf oleh pihak pengusaha dan sering ditambah nilai dengan fungsi-fungsi baru. Diharapkan dengan penggunaan portal SLS yang lebih kerap, para pelajar akan lebih terdorong dan berminat untuk mempelajari bahasa Melayu serta menambah nilai proses penjanaan idea bagi menghasilkan karya penulisan yang baik dan bermutu.

## RUJUKAN

Fullan, M. (2001). *The new, meaning of educational change* (3<sup>rd</sup>ed.). New York: TeachersCollege Press.

Jonassen, D. H. Peck, K. L. & Wilson, B. G. (1999). *Learning with Technology: A Constructivist Perspective*. New York: Pearson.

Kozma, R. (Ed.) (2003). *Technology, innovation, and educational change*:



*A global perspective.* Eugene. Oregon: International Society for Technology in Education.

Prensky, M. R. (2012). *From Digital Natives to Digital Wisdom: Hopeful Essays for 21st Century Learning*. New York: Corwin.

Ron Ritchhart, Mark Church & Karin Morrison (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Zimmerman, B.J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41 (2), 64-70.